



**JADUAL PINDAAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2018: GARIS PANDUAN  
PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA**

Bil.	Penyataan Asal	Penyataan Pindaan
1.	Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]	Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
2.	Peraturan 4A, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]	Peraturan 3(2) (d), Bahagian II, Jadual Kedua (Seksyen 5), Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, (Bahagian II), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]”.
3.	Pegawai Awam	<p>Pegawai</p> <p>Seksyen 4, Akta 605 - “pegawai” ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolumen oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan;</p>

4.	Pihak Berkuasa Tatatertib	<p>Jawatankuasa Tatatertib dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib</p> <p>Seksyen 4, Akta 605 - "<i>Jawatankuasa Tatatertib</i>" ertinya jawatankuasa yang disebut dalam seksyen 6 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]" dan "<i>Jawatankuasa Rayuan Tatatertib</i>" ertinya jawatankuasa yang disebut dalam Seksyen 7.</p> <p>Seksyen 6 (1), Akta 605- "<i>Pihak-pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pelbagai kategori pegawai ialah Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan mengikut Bahagian 1 Jadual Ketiga dan peruntukan-peruntukan Bahagian itu hendaklah terpakai bagi, dan dipatuhi oleh, tiap-tiap Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan sedemikian.</i>"</p> <p>Seksyen 7, Akta 605 - <i>Seseorang pegawai yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib oleh suatu Jawatankuasa Tatatertib boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut Bahagian II Jadual Ketiga dan Lampiran kepada Jadual itu dan peruntukan-peruntukan Bahagian itu hendaklah terpakai bagi, dan dipatuhi oleh, tiap-tiap Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan itu.</i></p>
----	---------------------------	--